



Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang

Tuntutan Harta Pusaka

Estate Claim Management among Muslim Community: A Study in Klang Valley

96

NOOR SYAHIDA ABDUL RAHMAN
(Corresponding Author),

HASLIZA TALIB, NURHAYATI ABD. GHANI,

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM &

NURUL SYAFINI ABD RAHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi, Selangor

syahida@kuis.edu.my, hasliza@kuis.edu.my
nurhayati@kuis.edu.my, nurzulfah@kuis.edu.my,
nurulsyafini@kuis.edu.my

Submitted: 16 July 2018
Revised: 19 September 2018
Accepted: 25 October 2018
E-Published: 29 October 2018

ABSTRAK

Pengurusan harta pusaka sentiasa menjadi isu penting kerana ia melibatkan setiap ahli masyarakat terutama apabila berlaku kematian dan pembahagian harta. Selain daripada isu peningkatan nilai harta beku yang sentiasa bertambah dari tahun ke tahun, terdapat banyak kes dipaparkan di akhbar dan media sosial berkaitan pergaduhan, pembunuhan dan konflik keluarga yang berpunca daripada pembahagian harta. Pengurusan harta pusaka yang cekap dan berkesan melalui institusi yang terlibat adalah sangat penting bukan sahaja kepada masyarakat bahkan juga kepada negara bagi memacu kemajuan dan pembangunan ekonomi. Artikel ini ditulis bagi membincangkan tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam serta tahap kecekapan dan keberkesanan institusi yang terlibat dalam pengurusan tuntutan harta pusaka. Kajian dilakukan secara lapangan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data tersebut dikumpulkan melalui instrumen borang soal selidik dan analisis data menggunakan perisian SPSS versi 18.0. Kajian rintis telah dilakukan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang digunakan dalam soal selidik ini. Pekali *Cronbach Alpha* bagi item daripada soal selidik ini adalah 0.707. Dalam kajian sebenar, seramai 314 orang responden telah dipilih di sekitar Lembah Klang yang melibatkan tiga lokasi iaitu Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang sederhana berkaitan tuntutan harta pusaka dengan purata nilai min keseluruhan adalah 3.501, manakala tahap kecekapan dan keberkesananannya juga pada tahap sederhana dengan purata nilai min keseluruhan adalah 3.284.

Kata Kunci: Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka, Harta Pusaka, Masyarakat Islam





ABSTRACT

Estate management has always been a crucial issue as it involves every member of a society especially when a death occurs and during the distribution of the estate. Besides the issue of the increasing value of frozen estates each year, there are also many cases of disputes, murders and family conflicts caused by the distribution of the estate reported in the news and social media. An efficient and effective estate management through the involved institutions are crucial not only to the society but also to the nation in spearheading the economic growth and development. This paper aimed to discuss the level of knowledge and understanding of Muslim community in estate management as well as the efficiency and effectiveness of the institutions involved. This field study used the quantitative methodology. This field-based study applied the quantitative methods. It used the questionnaire for data collection and SPSS version 18.0 software to analyse those data. A pilot study has been conducted to obtain the validity and reliability of the items used in the questionnaire. The Cronbach's coefficient Alpha value for the questionnaire items was 0.707. In the main study, the researchers selected 314 respondents in the Klang Valley involving three locations, which were Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur. The findings showed that the respondents have a moderate level of knowledge and understanding regarding estate claim with an average min value of 3.501; while, the level of efficiency and effectiveness is at a moderate level with an average min value of 3.284.

Keywords: Estate Claim Management, Inheritance Property, Muslim Community

PENGENALAN

Perancangan harta merupakan salah satu proses pengurusan harta yang dilakukan semasa seseorang masih hidup untuk tujuan kepentingan dan kemudahan pemilik harta dan mereka yang berkepentingan dengannya. Ketiadaan dan kegagalan merancang dan mengurus harta di kalangan umat Islam khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya akan menyebabkan isu yang dibangkitkan akan terus berpanjangan dan menjadi polemik dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya Muslim (Mohd Zaidi, 2015). Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan masyarakat Islam di Lembah Klang daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan sosial mengenai pengurusan tuntutan harta pusaka. Selain itu, untuk mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam proses tuntutan dan pengagihan harta pusaka tersebut, maka kajian ini telah menguji kecekapan dan keberkesanan institusi-institusi yang terlibat dengan tuntutan harta melalui lima pembolehubah iaitu tempoh masa; kepelbagaian institusi; prosedur tuntutan; kerjasama pegawai dan kos.

PERNYATAAN MASALAH

Perancangan harta pusaka ialah sebarang usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan bagi membahagikan dan mengagihkan harta-harta yang



dimiliki oleh pemilik harta kepada para waris ataupun bakal penerima harta yang lain apabila pemilik harta meninggal dunia. Perancangan ini dibuat semasa pemilik harta masih hidup (Mohd Fitri, 2016). Perancangan ini penting bukan sahaja kepada institusi kekeluargaan bahkan juga kepada ekonomi negara. Apabila berlaku kematian, ahli waris akan mengurus serta mengendalikan tuntutan harta pusaka seterusnya membahagikannya kepada waris yang layak menerima. Namun, sehingga kini banyak kes yang dilaporkan berkaitan kegagalan membahagikan harta pusaka tersebut yang berpunca daripada beberapa isu atau permasalahan.

Statistik 2007 menunjukkan bahawa jumlah harta pusaka yang tidak dituntut mencecah RM40 bilion (Rejal Arbee, Dewan Masyarakat; 2007). Tahun 2009 pula, jumlah harta alih iaitu wang dan simpanan sejumlah RM31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) (Tarmizi Abdul Rahim, Utusan Malaysia; 2009). Tahun 2014, dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion yang masih belum diselesaikan (Badrul Hafizan Mat Isa, Utusan Malaysia; 2013) dan pada 2016, jumlah tersebut telah meningkat kepada RM60 bilion (Anon, Kosmo; 2016). Daripada jumlah itu, sebanyak 90 peratus melibatkan harta umat Islam. Kebanyakan jumlah harta itu ialah dalam bentuk hartanah dan wang yang tidak dituntut waris sejak 1950-an sehingga kini (Mohd. Yakop Ikram, Utusan Melayu (M) Bhd; 2017). Diharapkan kajian ini dapat membantu untuk mencari penyelesaian serta solusi bagi memastikan harta pusaka dapat diurus dengan efisien selain memberi manfaat kepada ekonomi dan ummah.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Terdapat banyak kajian dan penulisan berkaitan dengan pengurusan tuntutan harta pusaka di Malaysia. Penulisan-penulisan dalam hal ini menunjukkan bahawa pengurusan tuntutan harta pusaka orang Islam di Malaysia adalah agak rumit kerana melibatkan bidang kuasa kerajaan persekutuan dan bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang prosedur berkaitan tuntutan harta pusaka diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 1 Butiran 4(e) yang melibatkan seluruh masyarakat Malaysia, sama ada Islam dan bukan Islam. Manakala bagi pengurusan harta orang Islam, hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta, berwasiat dan tidak berwasiat adalah di bawah bidang kuasa negeri dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 butiran 1 (Jasni Sulong, 2011). Ringkasnya probet dan surat kuasa mentadbir pusaka turut diperlukan oleh orang Islam untuk menguatkuasakan pembahagian harta pusaka (Sijil Faraid atau Perintah Faraid) yang telah dikeluarkan oleh mahkamah syariah negeri-negeri (Ridzuan, 2008).

Rentetan daripada perkara ini, terdapat banyak agensi atau institusi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka orang Islam. Nasri Naiimi (2016) menyenaraikan empat agensi khusus yang terlibat dalam proses tuntutan harta pusaka iaitu Amanah Raya Berhad (pusaka ringkas), Seksyen Pembahagian Pusaka (pusaka kecil), Mahkamah Tinggi Sivil (pusaka besar) dan Mahkamah Syariah (Wan Abdul Halim, 2006). Selain daripada itu, terdapat banyak undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri yang terpakai dalam tuntutan harta pusaka orang Islam ini.



Mohd. Al-Adib Samuri (2016) pula membangkit isu berkaitan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Syariah apabila ada kes yang berkaitan dengan pusaka orang Islam diputuskan oleh Mahkamah Sivil.

Kajian perancangan harta dalam Islam telah dilakukan oleh Azman Ismail (2007), yang memperlihatkan perancangan harta bagi orang Islam boleh diaplikasikan pada hari ini selain pusaka adalah wasiat, hibah dan wakaf yang mana ianya mempunyai prinsip yang jelas dalam Islam untuk menyelesaikan isu-isu pewarisan yang berlaku di kalangan masyarakat. Beliau turut menekankan peranan amanah dalam perancangan harta dalam Islam sebagai elemen penting yang perlu ada kepada agen pelaksana. Mohd Zamro et al. (2009) turut sama menegaskan bahawa hibah dan wasiat adalah penting dalam perancangan harta kerana ianya mampu mengelakkan daripada berlakunya pertikaian dan perebutan harta di kalangan ahli keluarga.

Selain kajian terhadap perancangan harta di Malaysia, terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan isu-isu berkaitan harta pusaka di Malaysia. Di antaranya adalah, masalah harta atau wang yang tidak dituntut berpunca daripada beberapa keadaan seperti penerima harta telah meninggal dunia, belum cukup umur, cacat daya pemikiran, tidak dapat dikesan, berlaku pertelingkahan dan ketidakpuasan hati sesama ahli waris (Siti Mashitah Mahamood, 2009).

Selain itu, tanggapan masyarakat bahawa memadai dengan sistem faraid dan kos pemprosesan tuntutan yang tinggi beserta urusan pemprosesan tuntutan yang rumit juga menyumbang kepada permasalahan harta yang tidak dituntut (Ahmad Hidayat Buang, 2008). Kesan masalah ini menyebabkan berlakunya pembekuan harta yang mengakibatkan umat Islam kerugian berbilion ringgit selain menyumbang kerugian kepada negara rentetan tiadanya penjana ekonomi.

Wan Noraini et al. (2015) dalam "*Delay in Administration of Estates: Causes and Implications*" membincangkan tentang punca-punca yang membawa kepada kelewatan dalam pengagihan harta pusaka serta implikasinya. Beliau menggariskan dua faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini iaitu i) proses untuk mendapatkan surat kuasa tadbir yang melibatkan banyak pihak dengan prosedur yang berbeza; dan ii) ahli waris yang kurang mahir dalam pentadbiran harta pusaka di samping mempunyai fikiran negatif, bagi sesiapa yang mempercepatkan pembahagian harta pusaka seolah-olah tidak menghormati si mati dan bersikap tamak. Selain itu terdapat juga dalam kalangan ahli waris yang tidak mahu bekerjasama dalam mempercepatkan proses tuntutan. Mohd Fitri et al. (2016), cuba menyelongkar permasalahan kelewatan dalam pembahagian harta pusaka melalui temubual dengan para pentadbir dan pendedaran borang soal selidik kepada 100 responden yang terlibat dengan tuntutan harta pusaka. Hasil dapatan kajian menunjukkan pertelingkahan sesama ahli waris masih merupakan antara isu utama waris lewat mengemukakan tuntutan harta pusaka. Terdapat waris-warisan yang bersikap ingin membolot kesemua harta si mati dan sikap ini mendapat penentangan dari waris-warisan lain. Sementara itu terdapat juga kes di mana pertelingkahan bukan disebabkan perebutan harta pusaka tetapi disebabkan masalah-masalah lain



antaranya hubungan yang renggang antara sesama waris; tiada kerjasama; dan tidak meletakkan pengurusan harta pusaka adalah penting.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas kebanyakan bersetuju bahawa tiadanya muafakat dan persefahaman antara ahli keluarga dan waris dalam menguruskan harta pusaka menjadi punca kelewatan proses pengurusan dan pengagihan harta. Selain itu, ekoran dari faktor ketidaksefahaman ahli keluarga dan waris tersebut, ianya membawa juga kepada kegagalan ahli waris itu untuk merancang sebaik mungkin penyelesaian harta pusaka diagihkan dengan segera. Bertambah rumit lagi dengan kepelbagaian institusi pengurusan harta pusaka di Malaysia yang masing-masing mempunyai bidangkuasa berbeza. Ianya sangat menyukarkan pihak yang tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman berkaitan harta pusaka. Akhirnya, ianya akan mengakibatkan tuntutan harta pusaka itu tidak dilaksanakan sepenuhnya atau dibiarkan separuh jalan.

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berdasarkan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Proses analisis dilaksanakan terhadap data-data yang diperolehi daripada instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada 314 responden. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 18.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam serta kecekapan dan keberkesanan institusi yang terlibat. Semua dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan perbincangan.

LOKASI KAJIAN

Lembah Klang yang terdiri daripada Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi ini kerana ianya memiliki data terbanyak dalam tuntutan harta pusaka. Bertepatan dengan pendapat Lawrence (2006), Marohaini Yusof (2001) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (*unfamiliarity*), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik.

POPULASI, SAMPEL KAJIAN DAN KAEDAH PERSAMPELAN

Persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al., 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992). Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Cohen et al. (2001) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar. Berikut adalah jadual pemilihan sampel kajian:



Jadual 1: Pemilihan Sampel Mengikut Tabel Cohen

Required Sample Size								
Population Size	Confidence = 95%				Confidence = 99%			
	Margin of Error				Margin of Error			
	5.00%	3.50%	2.50%	1.00%	5.00%	3.50%	2.50%	1.00%
10	10	10	10	10	10	10	10	10
20	19	20	20	20	19	20	20	20
30	28	29	29	30	29	29	30	30
50	44	47	48	50	47	48	49	50
75	63	69	72	74	67	71	73	75
100	80	89	94	99	87	93	96	99
150	108	126	137	148	122	135	142	149
200	132	160	177	196	154	174	186	198
250	152	190	215	244	182	211	229	246
300	169	217	251	291	207	246	270	295
400	146	265	318	384	250	309	348	391
500	217	306	377	475	285	365	421	485
600	234	340	432	565	315	416	490	579
700	248	370	481	653	341	462	554	672
800	260	396	526	739	363	503	615	763
1,000	278	440	606	906	399	575	727	943
1,200	291	474	674	1,067	427	636	827	1,119
1,500	306	515	759	1,297	460	712	959	1,376
2,000	322	563	869	1,655	498	808	1,141	1,785
2,500	333	597	952	1,984	524	879	1,288	2,173
3,500	346	641	1,068	2,565	558	977	1,510	2,890
5,000	357	678	1,176	3,288	586	1,066	1,734	3,842
7,500	365	710	1,275	4,211	610	1,147	1,960	5,165
10,000	322	563	869	1,655	498	808	1,141	1,785
25,000	333	597	952	1,984	524	879	1,288	2,173
50,000	381	772	1,491	8,056	655	1,318	2,520	12,455
75,000	382	776	1,506	8,514	658	1,330	2,563	13,583
100,000	383	778	1,513	8,762	659	1,336	2,585	14,227
250,000	384	782	1,527	9,248	662	1,347	2,626	15,555
500,000	384	783	1,532	9,423	663	1,350	2,640	16,055
1,000,000	384	783	1,534	9,512	663	1,352	2,647	16,317
2,500,000	384	783	1,536	9,567	663	1,353	2,651	16,478
10,000,000	384	784	1,536	9,594	663	1,354	2,653	16,560
100,000,000	384	784	1,537	9,603	663	1,354	2,654	16,584

DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN

Profil responden dianalisis secara deskriptif. Data-data demografi ini mengandungi jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, sektor pekerjaan, pendapatan, daerah tempat tinggal dan pengalaman terlibat dalam mengurus dan membahagi harta pusaka serta institusi yang terlibat dalam pengurusan tuntutan harta pusaka.

Jadual 2, menunjukkan taburan responden ($n=314$) mengikut jantina masing-masing. Jadual tersebut menunjukkan bahawa 42.4% ($n=133$) responden adalah daripada kalangan responden lelaki, dan 57.6% ($n=181$) pula adalah terdiri daripada kalangan responden perempuan. Ini menunjukkan, lelaki dan perempuan terlibat secara langsung dalam pengurusan tuntutan harta pusaka.

Jadual 2: Taburan Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	133	42.4
Perempuan	181	57.6
Jumlah	314	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan umur responden ($n=314$) bagi kajian ini. Majoriti responden adalah dari kalangan mereka yang berumur lebih dari 49 tahun iaitu sebanyak 36.9% ($n=116$), dalam lingkungan 39 hingga 48 tahun iaitu sebanyak 29.9% ($n=94$), diikuti dengan 20.7% ($n=65$) responden yang berumur dalam lingkungan 29 hingga 38 tahun, 12.4% ($n=39$) responden yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 28 tahun. Dapat dilihat dari jadual tersebut responden yang berumur 39 tahun ke atas adalah seramai 210 orang (66.8%) berbanding hanya 104 orang (33.2%) sahaja responden 38 tahun ke bawah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah di kalangan mereka yang berumur iaitu 39 tahun ke atas. Umur 18 tahun adalah umur minimum bagi orang yang layak menguruskan tuntutan harta pusaka. Peratusan jumlah responden pada julat umur seterusnya adalah selari dengan jangkaan awal bahawa semakin ramai daripada golongan julat umur yang semakin meningkat, terlibat dalam urusan tuntutan harta pusaka.

Jadual 3: Taburan Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratusan
18-28 Tahun	39	12.4
29-38 Tahun	65	20.7
39-48 Tahun	94	29.9
Lebih 49 Tahun	116	36.9
Jumlah	314	100.0

Jadual 4, pula menunjukkan taburan status perkahwinan responden ($n=314$). Sejumlah besar responden adalah dari kalangan mereka yang sudah berkahwin, iaitu sebanyak 71.3% ($n=224$) diikuti dengan responden yang masih bujang iaitu sebanyak 17.2% ($n=54$), 11.5% ($n=36$) responden berstatus janda atau duda. Golongan responden bujang dan yang telah berkahwin membentuk majoriti hampir 90% diandaikan

membuat tuntutan setelah kematian ibu atau bapa mereka, manakala golongan janda atau duda membuat tuntutan selepas kematian pasangan mereka.

Jadual 4: Taburan Status Responden

Status	Kekerapan	Peratusan
Bujang	54	17.2
Berkahwin	224	71.3
Janda/Duda	36	11.5
Jumlah	314	100.0

Jadual 5, menunjukkan taburan sektor pekerjaan responden. Jadual ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah terdiri dari pada kalangan mereka yang bekerja di sektor swasta iaitu seramai 29.0% (n=91), diikuti dengan responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan sejumlah 25.8% (n=81), 18.8% (n=59) responden yang bekerja sendiri, 15.3% (n=48) responden yang tidak bekerja, 8.6% (n=27) responden yang sudah bersara, dan lain-lain seramai 2.5% (n=8). Jika dibahagikan kepada golongan yang bekerja dan tidak bekerja, seramai 231 orang (73.6%) responden adalah mereka yang bekerja manakala selebihnya mereka yang tidak bekerja.

Jadual 5: Taburan Sektor Pekerjaan Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Tidak bekerja	48	15.3
Bekerja sendiri	59	18.8
Sektor awam	81	25.8
Sektor swasta	91	29.0
Pesara	27	8.6
Lain-Lain	8	2.5
Jumlah	314	100.0

Jadual 6, memaparkan taburan bagi tahap pendidikan responden. Apabila dibahagikan mengikut tahap pendidikan responden kepada tiga iaitu rendah (SPM dan ke bawah), sederhana (STPM/Diploma) dan pendidikan tinggi (sarjana muda, sarjana dan PhD) didapati bahawa seramai 107 orang (34.1%) responden memiliki tahap pendidikan tinggi, manakala seramai 79 orang (25.2%) responden berpendidikan sederhana dan 128 orang (40.8%) responden adalah mereka berpendidikan rendah.

Jadual 6: Taburan Tahap Pendidikan Responden

Perkara	Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratusan
SPM	Rendah	128	40.8
STPM/ Diploma	Sederhana	79	25.2
Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah	Tinggi	107	34.1
Jumlah		314	100.0

Jadual 7, menunjukkan taburan pendapatan responden yang mana sejumlah besar responden adalah dari kalangan mereka yang berpendapatan dalam lingkungan RM1001 ke RM3000 iaitu sebanyak 37.3% (n=117), kemudian diikuti dengan responden yang berpendapatan RM3001 ke RM5000 iaitu sebanyak 22.6% (n=71), diikuti dengan responden yang berpendapatan bawah RM1000 iaitu sebanyak 19.7% (n=62), diikuti dengan mereka yang berpendapatan bawah RM5001 ke RM7000 iaitu sebanyak 12.1% (n=38) dan sejumlah 8.3% responden (n=26) yang berpendapatan lebih daripada RM7001. Jika dibahagikan mengikut tahap pendapatan tinggi, sederhana dan rendah seramai 26 orang (8.3%) adalah dalam kalangan mereka yang berpendapatan tinggi iaitu melebihi RM7001 sebulan. Seramai 109 orang (30.4%) adalah mereka yang berpendapatan sederhana iaitu RM3001-RM7000 sebulan. Manakala seramai 179 orang (57.0%) adalah mereka berpendapatan rendah iaitu di bawah RM 3000 ke bawah.

Jadual 7: Taburan Pendapatan Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
< RM1000	62	19.7
RM1001-RM3000	117	37.3
RM3001-RM5000	71	22.6
RM5001-RM7000	38	12.1
> RM7001	26	8.3
Jumlah	314	100.0

Jadual 8, pula memaparkan taburan tempat tinggal responden dalam kajian ini. Jadual tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden tinggal di Selangor iaitu sebanyak 75.8% (n=238) diikuti dengan responden yang tinggal di Kuala Lumpur iaitu sebanyak 19.1% (n=47) sebanyak 5.1% (n=16) responden yang tinggal di Putrajaya. Sampel kajian ini melibatkan responden di Lembah Klang sebahagian besarnya di Selangor, manakala sebahagian kecil daripada Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 8: Taburan Tempat Tinggal Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Kuala Lumpur	60	19.1
Putrajaya	16	5.1
Selangor	238	75.8
Jumlah	314	100.0

Berdasarkan daripada jadual 9 memaparkan pengalaman responden yang terlibat dalam proses tuntutan dan mengurus harta pusaka. Jadual tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden telah selesai membuat tuntutan dan menguruskan harta pusaka iaitu sebanyak 37.6% (n=118), sebanyak 34,4% (n=108) orang responden dalam masih dalam proses tuntutan. Kemudian sebanyak 2.5% (n=8) orang responden yang menyatakan bahawa mereka masih menguruskan tuntutan yang belum selesai dan dalam masa yang sama juga ada kes tuntutan mereka yang telah selesai. Terdapat juga sebanyak 25.5% (n=80) orang responden tidak menyatakan status permohonan mereka dalam proses tuntutan harta pusaka. Walau bagaimanapun, diandaikan



kesemua 80 responden ini sama ada telah selesai atau dalam proses pengurusan tuntutan harta pusaka; secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam pengurusan tuntutan harta pusaka seperti menjadi waris dan sebagainya.

Jadual 9: Taburan Responden yang Terlibat Dalam Proses Tuntutan dan Menguruskan Harta Pusaka

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Telah selesai	118	37.6
Dalam proses	108	34.4
Telah selesai dan dalam proses	8	2.5
Tidak menyatakan	80	25.5
Jumlah	314	100.0

Berdasarkan jadual 10 jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah memilih PPK untuk membuat tuntutan harta iaitu sebanyak 204 kali kekerapan, diikuti dengan ARB sebanyak 63 kali kekerapan, kemudian MS dan MTS yang masing-masing mempunyai 61 dan 29 kali kerapan. Terdapat juga responden yang menyatakan selain daripada empat institusi tersebut sebanyak 8 kali kekerapan. Lain-lain institusi di sini merujuk syarikat-syarikat amanah dan firma-firma guaman. Walaupun 80 responden tidak menandakan di ruangan pengalaman menguruskan harta pusaka, hanya 42 daripada jumlah tersebut yang tidak menandakan institusi yang terlibat. Walau bagaimanapun responden menjawab soalan-soalan lain dalam borang soal selidik yang diberikan. Adalah diandaikan responden tersebut menjawab soalan berdasarkan keterlibatan mereka secara tidak langsung dalam tuntutan harta pusaka seperti menjadi ahli waris tetapi tidak menguruskan tuntutan tersebut.

Jadual 10: Kekerapan Institusi yang Dipilih oleh Responden

Institusi	Jumlah kekerapan
Amanah Raya Berhad (ARB)	63
Pejabat Pusaka Kecil (PPK)	204
Mahkamah Tinggi Sivil (MTS)	29
Makamah Syariah (MS)	61
Lain-lain institusi	8

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengetahuan Dan Kefahaman Tentang Pembahagian Harta Pusaka

Dapatan kajian turut diinterpretasikan mengikut skala skor min Jamil Ahmad (2000) sebagaimana yang berikut:

Jadual 11: Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap pengetahuan dan kecekapan dan keberkesanan tuntutan harta pusaka

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (2002)

Jadual 12 menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai tuntutan harta pusaka. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 3.501. Ini bermakna bahawa tahap pengetahuan berkaitan pengurusan tuntutan harta pusaka responden secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Rujuk Jamil Ahmad (2002).

Jadual 12: Taburan Skor Min Bagi Pengetahuan Tentang Tuntutan Harta Pusaka

Bil	Pernyataan	STS	Kekerapan Dan Peratus				Jumlah (%)	MIN
			TS	TP	S	SS		
P1	Tuntutan harta pusaka perlu dibuat setelah berlaku kematian.	12 3.8%	21 6.7%	16 5.1%	116 36.9%	149 47.5%	314 100%	4.18
P2	Saya mengetahui ilmu faraid dalam Islam.	14 4.5%	7 2.2%	98 31.2%	144 45.9%	51 16.2%	314 100%	3.67
P3	Saya memahami cara pengurusan harta pusaka dalam Islam.	14 4.5%	7 2.2%	104 33.1%	137 43.6%	52 16.6%	314 100%	3.66
P4	Saya mengetahui asas pengiraan faraid dalam Islam.	17 5.4%	12 3.8%	141 44.9%	110 35.0%	34 10.8%	314 100%	3.42



P5	Pengurusan pembahagian pusaka hanya boleh dibuat oleh anak lelaki si mati sahaja.	84 26.8%	85 27.1%	73 23.2%	48 15.3%	24 7.6%	314 100%	2.50
P6	Pengurusan pusaka tidak perlu dilakukan dengan segera.	21 6.7	38 12.1%	33 10.5%	92 29.3%	130 41.4%	314 100%	3.87
P7	Hanya faraid sahaja cara pembahagian pusaka dalam Islam.	42 13.4%	58 18.5%	71 22.6%	75 23.9%	68 21.7%	314 100%	3.22
MIN KESELURUHAN								3.501

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang pengetahuan harta pusaka tiga item berada pada tahap tinggi iaitu tuntutan harta pusaka perlu dibuat setelah berlaku kematian (min 4.18); pengurusan pusaka tidak perlu dilakukan segera (min 3.87); dan mengetahui ilmu faraid dalam Islam (min 3.67). Manakala empat item berada pada tahap sederhana iaitu memahami cara pengurusan harta dalam Islam (min 3.66); mengetahui asas pengiraan faraid dalam Islam (min 3.42); hanya faraid sahaja cara pembahagian faraid dalam Islam (min 3.22) dan pembahagian pusaka hanya boleh dibuat oleh anak lelaki si mati sahaja (min 2.50).

Kecekapan Dan Keberkesanan Institusi-Institusi Tuntutan Harta Pusaka

Bagi mengenalpasti permasalahan dalam proses tuntutan dan pengurusan pusaka, kajian ini cuba mendapat maklumbalas daripada responden berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecekapan dan keberkesanan di institusi-institusi terlibat. Faktor-faktor tersebut ialah tempoh masa, kepelbagaian institusi, prosedur, kerjasama pegawai dan kos pengurusan tuntutan harta pusaka.

Berikut merupakan interpretasi skor min terhadap tahap kecekapan dan keberkesanan institusi-institusi tuntutan harta pusaka mengikut pembolehubah tempoh masa. Jadual 13 menunjukkan empat pembolehubah yang mempengaruhi tempoh masa tuntutan iaitu pengenalan waris, kenalpasti harta, birokrasi institusi dan kerjasama institusi. Perkara ini dinilai bagi melihat tahap kecekapan dan keberkesanan tuntutan harta pusaka. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 3.300.

Jadual 13: Taburan Skor Min Bagi Tempoh Masa

Bil	Pernyataan	Kekerapan Dan Peratus					Jumlah (%)	MIN
		STS	TS	TP	S	SS		
TM1	Waris tidak dapat dikesan untuk membantu proses tuntutan.	17 5.4%	84 26.8%	100 31.8%	78 24.8%	35 11.1%	314 100%	3.10
TM2	Harta peninggalan si mati tidak dapat dikenal pasti.	15 4.8	75 23.9%	94 29.9%	94 29.9%	36 11.5%	314 100%	3.19
TM3	Terdapat banyak birokrasi di institusi terlibat.	23 7.3%	73 23.2%	94 29.9%	90 28.7%	34 10.8%	314 100%	3.12
TM4	Kerjasama institusi yang terlibat mempercepatkan proses pengurusan dan pembahagian harta pusaka.	14 4.5%	14 4.5%	64 20.4%	153 48.7%	69 22.0%	314 100%	3.79
MIN KESELURUHAN								3.300

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang tempoh masa pengurusan tuntutan harta pusaka satu item berada pada tinggi iaitu kerjasama institusi yang terlibat mempercepatkan proses pembahagian harta pusaka (min 3.79). Tiga item yang berada pada tahap sederhana iaitu harta peninggalan si mati tidak dapat dikenal pasti (min 3.19); terdapat banyak birokrasi di institusi terlibat (3.12) dan waris tidak dapat dikesan membantu proses tuntutan (min 3.10). Ini bermakna bahawa responden bersetuju faktor-faktor berikut iaitu mengenalpasti waris; kenalpasti harta; birokrasi institusi dan kerjasama institusi mempengaruhi tempoh masa tuntutan.

Tiga soalan telah dirangka untuk mengenalpasti permasalahan responden dalam proses membuat tuntutan harta pusaka yang melibatkan banyak institusi. Jadual 14 menunjukkan tahap kecekapan dan keberkesanan pelbagai institusi dalam kalangan responden. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 3.145.

Jadual 14: Taburan Skor Min Bagi Pelbagai Institusi

Bil	Pernyataan	Kekerapan Dan Peratus					Jumlah (%)	MIN
		STS	TS	TP	S	SS		
PI1	Saya menghadapi pelbagai kesulitan dalam menguruskan harta pusaka kerana melibatkan banyak institusi.	32 10.2%	82 26.1%	73 23.2%	95 30.3%	32 10.2%	314 100%	3.04
PI2	Saya tidak menghadapi sebarang masalah berurusan dengan pelbagai institusi yang terlibat.	30 9.9%	125 10.5%	95 30.3%	33 39.8%	31 9.6%	314 100%	2.71
PI3	Saya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh institusi yang terlibat.	14 4.5%	16 5.1%	80 25.5%	150 47.8%	54 17.2%	314 100%	3.68
Min Keseluruhan								3.145

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang pelbagai institusi pengurusan tuntutan harta pusaka satu item berada pada tahap tinggi iaitu kerjasama institusi yang terlibat mempercepatkan proses pembahagian harta pusaka (min 3.68). Manakala, dua item yang berada pada tahap sederhana iaitu pelbagai kesulitan dalam menguruskan harta pusaka kerana banyak institusi (min 3.04) dan tidak menghadapi sebarang masalah berurusan dengan institusi terlibat (min 2.71). Ini bermakna bahawa responden bersetuju terhadap kenyataan kepelbagaian institusi dalam proses tuntutan adalah membawa kesulitan kepada mereka. Walau bagaimanapun mereka agak berpuashati dengan kerjasama yang diberikan oleh institusi terlibat.

Tiga soalan telah dirangka untuk mengenalpasti permasalahan responden dalam proses membuat tuntutan harta pusaka yang memfokuskan kepada prosedur tuntutan yang perlu mereka patuhi. Jadual 15 menunjukkan tahap kecekapan dan keberkesanan prosedur tuntutan harta pusaka dalam kalangan responden. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 3.411.

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang kecekapan dan keberkesanan prosedur pengurusan tuntutan harta pusaka. Satu item berada pada tahap tinggi iaitu permohonan tuntutan di pejabat pusaka kecil adalah tersusun (min 3.75). Manakala, dua item yang berada pada tahap sederhana iaitu proses permohonan tuntutan pusaka di pejabat pusaka kecil adalah mudah (min 3.66) dan prosedur tuntutan harta pusaka adalah rumit (2.82).

Jadual 15: Taburan Skor Min Bagi Kecekapan Dan Keberkesanan Prosedur

Bil	Pernyataan	Kekerapan Dan Peratus					Jumlah (%)	MIN
		STS	TS	TP	S	SS		
PR1	Proses permohonan tuntutan pusaka di pejabat pusaka kecil adalah mudah.	15 4.8%	14 4.5%	87 27.7%	145 46.2%	53 16.9%	314 100%	3.66
PR2	Prosedur permohonan tuntutan pusaka adalah tersusun.	9 2.9%	11 3.5%	79 25.2%	165 52.5%	50 15.9%	314 100%	3.75
PR3	Proses tuntutan harta pusaka adalah rumit.	42 13.4%	85 27.1%	88 28.0%	85 27.1%	14 4.5%	314 100%	2.82
Min keseluruhan							3.411	

Tiga soalan telah dirangka untuk mengenalpasti permasalahan responden dalam proses membuat tuntutan harta pusaka yang membabitkan kerjasama pegawai di institusi terlibat. Jadual 16 menunjukkan tahap kerjasama yang diberikan pegawai di institusi tuntutan harta pusaka terhadap responden. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 3.654.

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang kerjasama pegawai. Satu item berada pada tahap tinggi iaitu pegawai di institusi terlibat memberikan layanan yang memuaskan (min 3.68). Manakala, dua item yang berada pada tahap sederhana iaitu pegawai di institusi terlibat tidak memberi kerjasama dalam proses tuntutan harta (min 3.54) dan pegawai di institusi terlibat sangat membantu dalam proses tuntutan harta pusaka (min 3.74). ini bermakna bahawa responden bersetuju mereka mendapat kerjasama yang baik dari pegawai di institusi yang terlibat.

Jadual 16: Taburan Skor Min Bagi Kerja Sama Pegawai

Bil	Pernyataan	Kekerapan Dan Peratus					Jumlah (%)	MIN
		STS	TS	TP	S	SS		
KP1	Pegawai di institusi terlibat tidak memberi kerjasama dalam proses tuntutan harta.	9 2.9%	49 15.6%	83 26.4%	111 35.4%	62 19.7%	314 100%	3.54

KP2	Pegawai di institusi terlibat memberikan layanan yang memuaskan.	13 4.1%	15 4.8%	76 24.2%	164 52.2%	46 14.6%	314 100%	3.68
KP3	Pegawai di institusi terlibat sangat membantu dalam proses tuntutan harta pusaka.	12 3.8	16 5.1%	66 21.0%	167 53.2%	53 16.9%	314 100%	3.74
Min keseluruhan								3.654

Bagi menguji kecekapan dan keberkesanan pengurusan harta pusaka dari segi perbelanjaan yang diperlukan, tiga soalan telah dirangka untuk mengenalpasti permasalahan tersebut. Jadual 18 menunjukkan tahap penilaian kos yang dibebankan kepada responden dalam melakukan tuntutan harta pusaka. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 2.911.

Jadual 18: Taburan Skor Min Bagi Kos

Bil	Pernyataan	Kekerapan Dan Peratus					Jumlah (%)	MIN
		STS	TS	TP	S	SS		
K1	Perbelanjaan pengurusan harta pusaka adalah sangat tinggi.	28 8.9%	74 23.6%	117 37.3%	75 23.9%	20 6.4%	314 100%	2.95
K2	Kepelbagaian kos yang dikenakan mengurangkan nilai harta pusaka.	28 8.9%	66 21.0%	153 48.7%	55 17.5%	12 3.8%	314 100%	2.86
K3	Kos yang diperlukan dalam proses tuntutan harta membebaskan waris.	30 9.6%	74 23.6%	119 37.9%	74 23.6%	17 5.4%	314 100%	2.92
MIN KESELURUHAN								2.911

Dilihat secara terperinci bagi tiap-tiap pernyataan tentang kos pengurusan tuntutan harta pusaka. Tiga item berada pada tahap sederhana iaitu perbelanjaan pengurusan harta pusaka adalah tinggi (min 2.95), kepelbagaian kos dikenakan mengurangkan nilai harta pusaka (min 2.86) dan kos yang diperlukan dalam proses tuntutan harta membebaskan waris (min 2.92). Ini bermakna bahawa responden tidak meletakkan kos yang perlu ditanggung dalam proses pengurusan harta sebagai satu permasalahan besar bagi mereka.

Secara umumnya, masyarakat Islam di Malaysia mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang sederhana berkaitan tuntutan harta pusaka dengan min keseluruhan 3.501. Tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan tuntutan harta pusaka di Malaysia adalah pada tahap sederhana dengan purata min 3.284. Ini dapat diperhatikan melalui data yang diterima daripada soal selidik yang diberikan kepada responden sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 18. Hasil analisis data yang diperolehi menggambarkan bahawa perlunya lebih pendedahan mengenai pentingnya membuat tuntutan harta pusaka dengan segera. Perbincangan dapatan mengenai tajuk ini akan dibahasakan di dalam bab seterusnya berserta rumusan dan cadangan keseluruhan kajian.

Jadual 18: Min Keseluruhan Tahap Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam

Konstruk	Min
PENGETAHUAN	3.501
KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN	3.284
Tempoh masa	3.300
Pelbagai institusi	3.145
Prosedur	3.411
Kerjasama pegawai	3.654
Kos	2.911


KESIMPULAN

Secara umumnya dirumuskan dapatan kajian mengenai pengurusan tuntutan harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam di Lembah Klang dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Dapatan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana berkenaan tuntutan harta pusaka. Selain itu, mereka juga tidak merasa perlu atau penting untuk menyegerakan urusan tuntutan harta pusaka. Ini merupakan satu penemuan punca permasalahan banyaknya harta pusaka yang tidak dituntut atau masih belum dituntut. Usaha-usaha meningkatkan kesedaran dalam masyarakat tentang peri pentingnya menguruskan harta pusaka dengan segera haruslah dibuat secara berkala atau sistematik. Ini kerana, setiap generasi atau lapisan masyarakat pasti akan menguruskan tuntutan harta pusaka. Maklumat yang sampai kepada satu generasi pada hari ini perlulah dipastikan sampai kepada generasi seterusnya pula.

Selain itu, kajian ini mendapati wujudnya pelbagai institusi yang terlibat dalam pengurusan harta pusaka menyulitkan proses tuntutan. Oleh itu, perkara ini seharusnya mendapat perhatian pihak yang berautoriti supaya permasalahan masyarakat dalam tuntutan harta pusaka ini dapat diselesaikan. Adalah dicadangkan agar satu pusat sehati bagi pengurusan tuntutan harta pusaka diwujudkan bagi kemudahan masyarakat. Sebagai alternatif, mungkin pihak berotoriti boleh memberikan kuasa kepada satu institusi sahaja dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia. Selain itu, dicadangkan garis panduan berikut dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan

dan keberkesanan dalam pengurusan tuntutan harta pusaka di Malaysia. Cadangan garis panduan ini merupakan panduan ringkas tatacara tuntutan pusaka selepas berlaku kematian. Ia bagi membantu orang ramai menjalankan proses tuntutan dengan mudah, lancar dan cepat. Dalam masa yang sama ia membantu semua pihak mendapat hak masing-masing daripada harta si mati tanpa berlaku penganiayaan. Secara ringkas, garis panduan yang dicadangkan adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Cadangan Garis Panduan Tuntutan Harta Pusaka





RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. 2016. Pengurusan Harta Orang Islam: Konflik Bidangkuasa Mahkamah Dan Kesannya Ke Atas Ekonomi Ummah. Dlm. Seminar Faraid dan Perancangan Pewarisan: Isu Harta Beku dan Penyelesaiannya di Malaysia. 29 dan 30 Mac 2016. Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. 2008. Appreciation of Syariah Principles in Property Management in Contemporary Malaysia Society. *Jurnal Syariah* 16 (Keluaran Khas), 555-566.
- Ahmad Lakim. 2016. Pengurusan dan Bidang kuasa Kes Harta Pusaka Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran dan Transformasi. Dlm. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Transformasi Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia. 22 September 2016. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).
- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
- Alias Baba. 1999. *Model Linier dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. "RM60 billion harta orang mati dibeku". Dlm. Kosmo, 1 Februari 2016.
- Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Azman Ismail. 2013. *Islamic Inheritance Planning 101*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: IBFIM,
- Azman Ismail. 2007. *Perancangan dan Pengurusan Perwarisan Islam*. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Badrul Hafizan Mat Isa. "Harta pusaka tertunggak RM52b". Dlm. Utusan Malaysia, 17 Februari 2013.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Coakes, J., Sheridan. 2005. *SPSS Version 12.0 for Windows. Analisis Without Anguish*. Singapore: CMO Image Printing Price.
- Cohen, J., K. Saito, and D. Entekhabi. 2001. *The Role of the Siberian High in Northern Hemisphere Climate Variability*, *Geophys. Res. Lett.* 28, 299 – 302.



- Creswell. J.W. 2012. *Educational Research. Planning, Conducting, and Evaluating Quatitative and Qualitative Research*. University of Nebraska-Lincoln.
- Customary Tenure Enactment (Enakmen Pegangan Adat). No. 17 of 1909.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.
- Halim, A. H. 2014. *Penentuan Harta Pusaka di Malaysia: Kajian dari Perspektif Undang-undang Sivil dan Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Jasni Sulong. 2011. *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- Lawrence N.W. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Muhammad Rani Saidali. 2007. Kaedah Penamaan Simpanan Tabung Haji: Penyelesaian Masalah-masalah Perwarisan. Dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Pada 10-12 Julai 2007. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad
- Muhammad Ridhwan b. Aziz et al. 2014. *A Review on Literatures in Planning and Managing of Islamic Wealth Distribution (2001--2013)*. Library Philosophy and Practice (e-journal).
- Mohd Fitri Abdul Rahman et al. 2016. Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSA)* Vol. 2: No. 3 (2016).
- Mohd Khairy Kamarudin et al. 2016. Amalan Pembahagian Faraid Di Malaysia. Dlm. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSA)* Vol. 2: No. 3 (2016). 11.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Naser Disa. 2009. Penyelarasan Undang-undang Pewarisan: Isu dan Penyelesaiannya. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Vol. 3, No.1, 2009.
- Mohd. Yakop Ikram. Utusan Melayu (M) Bhd; 2017.
- Mohd Zaidi Daud et al. 2015. Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta dalam Islam: Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMFIR)* Vol. 12, No. 1, 2015.



- Mohd Zamro Muda et al. 2008. *Pengantar Undang-undang dan Pentadbiran Puaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamro Muda. 2009. Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Jurnal JAWHAR* 3(1), 105-158.
- Mohd Zamro Muda et al. 2010. *Isu-isu Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Al-Adib Samuri. 2016. Bidang Kuasa Membicarakan Kes Berkaitan Wakaf dan Harta Pusaka di Mahkamah Sivil: Analisis Kes Selepas Pindaan Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan. Dlm. Mohd Zamro Muda et al. (pnyt.), *Isu-isu Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ridzuan Awang. 2008. Pengurusan Pusaka dan Wasiat Orang Islam di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda et al. Dlm. Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nasri Naiimi. 2016. *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat dan Hibah di Malaysia: Isu dan Aplikasi*. Sintok: UUM Press.
- Othman Yaacob. 2006. Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed), *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.
- Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan. (10 April 2017). Dicapai daripada <https://www.jkptg.gov.my/ms/content/pembahagian-harta-pusaka-kecil>.
- Rejal Arbee. "Mengapakah RM40 bilion Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan?" Dlm. Dewan Masyarakat, Julai: 36. 2007.
- Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub. 2010. Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek* Vol. 5, No.2. Universiti Teknologi Mara.
- Shalabi, Muhammad Mustafa. 1976. *Ahkam al-Mawarith Bayn al-Fiqh wa al Qanun*. Al-Iskandariyah: al-Maktabah al-Misr al-Hadithah.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Perkhidmatan Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.



- Siti Mashitoh Mahamood. 2009. Isu Pengurusan Wang Tak Dituntut Milik Orang Islam: Bidang Kuasa Baitulmal dan Pemakaian Perundangan Semasa. Dlm. Sohaimi Mohd Salleh et.al. 2009. Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Suhaime bin Mahbar. 2016. Transformasi Pengurusan Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaiannya. Dlm. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Transformasi Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia. 22 September 2016. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sulaiman bin Kadimi. 2008. Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Malaysia. Dlm. Mohd Zamro Muda et al. Prosiding Konvensyen Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. 18 – 19 Oktober 2008, Kuala Terengganu.
- Tarmizi Abdul Rahim. "RM31j Harta Pusaka Masih Tidak Dituntut". Dlm. Utusan Malaysia, 2 Mei 2009
- Tuckman, B.W. 1978. *Conducting Educational Research*. Ed ke-2. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.